

**JABATAN PERBENDAHARAAN, KEMENTERIAN KEWANGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**

- Tajuk Tawaran** : **Rental for The Supply, Delivery and Installation Of Audio Visual Equipment and Related Accessories for The 2026 Asia Pacific Group on Money Laundering (APG) Annual Meeting And Technical Assistance and Training Forum, Brunei Darussalam**
- Rujukan Tawaran** : **JPKK/LTK2627/To1-ADM**
- Tarikh Tutup / Jam** : **09 Jun 2026 – Hari Selasa (2.00 Petang)**
- Tempat Menghantar Tawaran** : **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam**

**SYARAT – SYARAT PENYERTAAN:**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mula Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Yuran Dokumen tawaran yang berharga **BND\$10.00** boleh diperolehi di **Kaunter Penyambut Tetamu, Tower Block, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi** dan bayaran dokumen tawaran **tidak akan dikembalikan** kepada mana-mana penender sama ada yang berjaya atau tidak berjaya kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
3. Yuran Dokumen tawaran yang berharga **BND\$10.00** hendaklah dibayar di **Kaunter Hasil, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan, Island Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** dan resit asal pembayaran hendaklah disertakan bersama borang tawaran.
4. Borang Pengakuan Penender hendaklah **diisikan dengan lengkap** dengan menyatakan bahawa syarikat yang ikut serta tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat lain yang menyertai tawaran sama dan menyenaraikan nama-nama pekerja tempatan yang bekerja di Syarikat yang mengikuti tawaran.
5. Borang tawaran hendaklah **menyertakan** salinan:
  - i. Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 yang masih sah yang menyenaraikan butir-butir perniagaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, nombor kad pengenalan atau paspot pemilik
  - ii. Surat pengesahan pematuhan Akta Tabung Amanah Pekerja Penggal 167 dengan menyatakan rujukan pendaftaran dan caruman bagi setiap pekerja kontrak, bergaji hari atau pekerja sementara,
  - iii. Senarai pekerja yang menyenaraikan jumlah dan bilangan (%) pekerja asing dan pekerja tempatan (contoh format ada disertakan).
6. Syarikat-Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 hendaklah **menyertakan**:
  - i. Salinan sijil pematuhan cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan selaras dengan Bab 52(1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35,
  - ii. Salinan surat pengesahan mengenai tarikh terakhir menghantar Penyata Tahunan (*Annual Returns*) kepada Pendaftar Syarikat-Syarikat termasuk tahun syarikat mengadakan “Annual General Meeting”.
7. Setiap satu borang tawaran yang lengkap diisikan dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang tertutup rapi dan menulis dengan jelas dengan menyatakan **Tajuk & Bilangan Tawaran dan tarikh tutup tawaran** tanpa membubuhkan sebarang pengenalan atau identiti syarikat/pemborong.
8. Borang tawaran hendaklah **dikembalikan dan dimasukkan** ke dalam PETI TAWARAN, LEMBAGA TAWARAN KECIL yang ditunjukkan kepada: -

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
PETI TAWARAN, TINGKAT 1, BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN  
COMMONWEALTH DRIVE, JALAN KEBANGSAAN, BB3910  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

9. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dilayan**.

*PERINGATAN – Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran atau kontrak diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.*